

04 SEP 2003

MAHATHIR-MIKROCIP/I

MALAYSIA BERSEDIA JADI PENGELUAR MIKROCIP PALING TERKINI

CYBERJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa Malaysia akan memulakan projek teknologi mikrochip paling terkini yang mesti ada bagi mencapai Wawasan 2020 dan yang akan mengubah aplikasi teknologi seluruh dunia.

Beliau berkata, mikrochip bernama "Cip MM" itu, menggunakan RFID atau cip pengenalan frekuensi radio, yang membolehkannya digunakan bagi aplikasi yang hampir tidak terhad bilangannya, termasuk dalam bidang keselamatan.

"Kita menjangka projek ini bakal memulakan inisiatif ekonomi baru yang boleh merevolusikan aplikasi teknologi. Malaysia akan menerajui pewujudan industri RFID dunia pada masa akan datang," katanya pada sidang media yang diadakan pada akhir hari pertama mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP), di sini.

Projek itu melibatkan pembuatan cip 0.5 mm X 0.5 mm dengan antena bina-dalam yang boleh ditanam dalam kertas dan benda-benda seperti kad pengenalan, pasport dan matawang serta produk-produk lain di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia telah membeli hak bagi teknologi mikrochip baru itu dari Jepun dan buat permulaan ini ia akan dibuat di negara itu sebelum pengeluarannya dipindahkan ke Malaysia. --

"Aplikasinya hampir tidak terhad, tetapi memanglah, seperti semua teknologi baru, tentu ada orang lain yang juga bergerak ke arah ini. Jadi, sementara kita masih berada di hadapan, kita ingin menggunakan sepenuhnya cip ini bagi semua aplikasi.

"Ini pastinya akan menjadi sumbangan yang amat besar kepada kemajuan kita dalam bidang pembuatan," katanya, sambil menambah bahawa syarikat pengeluar separa konduktor, Silterra (M) Sdn Bhd di Taman Teknologi Kulim mungkin mempunyai kemudahan yang sesuai bagi pembuatan mikrochip di Malaysia.

"Kita rasa ini adalah pencapaian yang besar bagi Malaysia. Ia adalah yang pertama di dunia, tidak ada orang lain yang telah menghasilkan mikrochip yang sebegini kecil, lebih-lebih lagi yang ada antena bina-dalam," kata beliau.

Menceritakan penglibatan negara ini dalam projek MM (Mikrochip Malaysia), Dr Mahathir berkata, Malaysia mula-mula terlibat (dalam projek ini) kira-kira setahun lalu apabila pembangunan mikrochip ini telahpun dilaksanakan beberapa lama oleh rakan kongsinya dari Jepun.

"Saya telah menghadiri beberapa demonstrasi dan saya telah melihat cip itu melalui mikroskop yang tinggi kuasanya. Hanya melalui mikroskop dengan kuasa pembesaran 4,000 kali sahaja kita boleh melihat pelitarannya. Ia nampak berfungsi dengan baik," katanya.

"Jadi, kita mewujudkan persefahaman dengan rakan kongsi kita di Jepun dan kita jangkakan, walaupun pada peringkat permulaan ini, ia akan dibuat di Jepun, tetapi lama kelamaan nanti ia akan dibuat di sini," ujar beliau.

Dr Mahathir berkata projek itu akan mewujudkan nilai yang lebih tinggi bagi ekonomi Malaysia dalam bidang pengedaran, import dan eksport, alam sekitar dan sektor-sektor berpotensi yang lain.

"Projek ini melibatkan aplikasi teknologi RFID yang akan menggerakkan industri-industri sedia ada ke fasa baru dalam menghasilkan penjimatan dari segi masa, ruang dan kos. Berikutan itu, inovasi dan produktiviti yang terhasil daripadanya akan menjana pertumbuhan dan daya saingan di seluruh dunia," katanya.

Perdana Menteri juga berkata dengan wujudnya keperluan bagi tahap

keselamatan yang lebih tinggi di lapangan terbang dan terminal pengangkutan, tahap keselamatan yang disediakan oleh sistem sedia ada tidak mencukupi.

Tetapi, aplikasi teknologi RFID yang digabungkan dengan teknologi semasa akan mengelakkan kemungkinan berlakunya tindakan pengganas.

Ditanya sama ada matawang kertas Malaysia dan dokumen pengenalan akan ditanam dengan mikrochip baru, Dr Mahathir berkata itu mungkin dilakukan.

Menyentuh tentang jumlah yang dibayar kepada pihak di Jepun untuk mendapatkan hak ke atas teknologi itu, beliau berkata "harganya berpatutan." -- BERNAMA

MAM SHY KY NHD